

# Rakyat tidak merusuh sebab kekayaan negara milik semua kaum

UM 25 DEC 2001

KUALA LUMPUR 24 Dis. — Rakyat Malaysia tidak merusuh dan mencetuskan suasana huru-hara kerana menganggap segala kekayaan di negara ini adalah milik semua kaum, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Menurut Perdana Menteri, ini berbeza dengan keadaan di negara lain yang mudah tercetus ketegangan dan perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat akibat kegawatan ekonomi.

Beliau bagaimanapun mengingati keharmonian dan kejayaan yang dicapai oleh negara pada masa ini bukan tugas mudah.

Sebaliknya, ia diperoleh menerusi pendekatan jangka panjang menghapuskan ketidakseimbangan ekonomi antara kaum dengan membolehkan bumiputera memiliki sedikit kekayaan dan perusahaan.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Galeri Tun Ismail Mohamed Ali di Plaza Permodalan Nasional Berhad (PNB) di sini hari ini.

Beliau menarik perhatian bagaimana kejayaan kerajaan memperkenalkan pemilikan saham amanah di kalangan bumiputera menerusi PNB sehingga

kan jumlah mereka mencecah 7 juta orang, dengan tabungan bernilai RM36 bilion.

“Kita lihat banyak negara lain menghadapi masalah kewangan yang tidak boleh dipulih sebab pengurusan kewangan yang tidak begitu tepat.

“Mereka mungkin terdiri daripada pakar-pakar (kewangan) tetapi dalam keadaan sekarang, ada pihak menyerang kewangan sebuah negara, maka ekonomi akan lingkup.

“Misalnya Argentina, sebuah negara yang kaya tetapi kerana tekanan-tekanan tertentu dan menerima nasihat daripada badan antarabangsa, maka hari ini mereka menghadapi masalah sehingga Presiden terpaksa meletak jawatan dan melarikan diri,” katanya.

Terdahulu dalam ucapan perasmianya, Dr. Mahathir berkata, ketika rusuhan kaum pada 1969, ada pihak berpendapat bahawa segala yang ada dalam Kuala Lumpur bukan milik orang Melayu.

Justeru, wujud perasaan untuk merosak dan memusnahkan segala-galanya.

“Bagaimanapun, kerajaan menyedari perasaan itu dan merancang pendekatan untuk menarik kekayaan dan perusa-

haan bagi orang Melayu, jika tidak secara langsung sekurangnya tidak langsung.

“Pendekatan yang ada ialah orang Melayu dan bumiputera memiliki saham-saham dalam syarikat terkenal di Malaysia dan dengan itu dapat memiliki kekayaan dan perusahaan termasuk bangunan-bangunan dan kedai,” katanya.

Dengan cara itu juga, kata Perdana Menteri, mereka diharapkan tidak lagi merusuh untuk merosakkan bandar kerana apa yang dirosak adalah juga milik mereka.

Bagaimanapun, kata beliau, pendekatan itu tidak mudah dilaksanakan kerana bumiputera pada masa itu kekurangan modal.

“Sebab itu, dipilih (pendekatan) saham amanah untuk membolehkan orang Melayu memiliki saham kecil yang tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL),” katanya.

Tegas Perdana Menteri, apa yang diusahakan oleh kerajaan akhirnya berjaya dan hasilnya juga banyak pemimpin terutama dari negara membangun tertarik untuk mempelajari cara dan pendekatan berkenaan.